

Dua produk inovasi raih emas, gangsa

► Hasil usaha mahasiswa Program Perhotelan UMS

UB 14.8.2019 BJ

KOTA KINABALU: Kejayaan manis diraih dua mahasiswa tahun dua Program Pengurusan Perhotelan HE08, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) iaitu Noor Muslimah Timbul @Timbul dan Nur Ainin Aqilah Hasmat.

Mereka berjaya menggondol pingat emas bagi produk Zea Mays Flour (Tepung Jerami Jagung) dan pingat gangsa bagi produk Maydis Bun Roll Filling (Bun Roti Jerami Jagung Berinti).

Pencapaian itu diperoleh ketika menyertai The UNIMAS Innovation Technology Exposition 2019 (InTEX19) melalui kategori Sains Sosial dan Kemanusiaan yang berlangsung di Kuching, Sarawak baru-baru ini anjuran bersama Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Sarawak Multimedia Authority (SMA).

Bertemakan 'Research-Driven Innovation and Technology', program yang mempamerkan hasil produk dan inovasi itu menyaksikan dua mahasiswa UMS menjadi antara peserta yang menonjol dalam kalangan 200 peserta dari pelbagai institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia seperti Kolej Universiti Teknologi Sarawak, Universiti Teknologi Mara, Swinburne University of Technology,

Pada masa yang sama, ia juga dapat memupuk semangat dan motivasi pada diri mahasiswa untuk bersaing secara sihat dengan mempamerkan hasil penyelidikan mereka sama ada menerusi produk, idea inovasi ataupun reka bentuk.

BANGGA: Kedua-dua mahasiswa UMS bergambar bersama Ahmad Shakani (tengah).

Curtin University Malaysia, Universiti Teknologi Petronas dan Universiti Putra Malaysia.

Program itu adalah sebahagian daripada inisiatif penyelidikan dan inovasi tahunan yang berfungsi sebagai platform untuk ahli akademik menyertai dan mempamerkan hasil penyelidikan mereka yang inovatif dan kreatif seperti produk, idea serta reka bentuk bagi bersaing untuk mendapatkan pengiktirafan daripada juri profesional institusi dan agensi yang diiktiraf.

Menerusi penyertaan sedemikian, mahasiswa dapat didekah dengan budaya inovasi dan kreativiti yang bertaraf lebih tinggi meliputi pelbagai kategori seperti Sains Tulen, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Teknologi dan Kejuruteraan, serta Sains Sosial dan Kemanusiaan.

Di samping itu, ia sekali gus mendedahkan kepada mahasiswa untuk mempelajari pelbagai ilmu pengetahuan yang kreatif dan inovatif daripada setiap projek inovasi yang dipamerkan pada InTEX19.

Pada masa yang sama, ia juga dapat memupuk semangat dan motivasi pada diri mahasiswa untuk bersaing secara sihat dengan mempamerkan hasil penyelidikan mereka sama ada menerusi produk, idea inovasi ataupun reka bentuk.



EMAS: Penyampaian pingat emas sewaktu majlis penutupan InTEX19 di Imperial Hotel, Kuching.

Pertandingan seperti itu malahan dapat menggalakkan mahasiswa khususnya di FPEP dan amnya UMS untuk menyertai pertandingan seumpamanya pada masa hadapan.

Tambahan lagi, ia juga lebih menggalakkan mahasiswa untuk berfikiran lebih inovatif dan kreatif dengan membangunkan idea inovasi yang lebih segar dan asli hasil daripada kreativiti mahasiswa sendiri tanpa wujudnya unsur plagiarisme daripada idea inovasi yang sebelumnya.

Dekan FPEP Prof Madya Dr Raman Noordin sewaktu menyambut kepulangan mahasiswa dan pensyarah terlibat, ternyata amat berbanggadengan penyertaan dan kejayaan sulung yang diraih dalam pertandingan seumpamanya di peringkat nasional, yang nyata berjaya mencungkil bakat inovasi dan kreativiti para pelajar



PINGAT: Pingat emas dan gangsa yang diperolehi.

hasil bimbingan pensyarah program perhotelan selaku mentor projek, Ahmad Shakani Abdullah.

Turut sama berkongsi kegembiraan terhadap kejayaan itu ialah Ketua Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) Kamisah Husin yang menyifatkan kejayaan itu seiring dengan budaya rekacipta dan inovasi yang ditekankan dalam salah satu kluster kemahasiswaan.

Persis perubahsa

Melayu, 'Pengayuh sayang dibasahkan, sampan takkan sampai kesebearang', begitulah juga intinya seperti kejayaan yang dibawa oleh pasukan yang mewakili Program Pengurusan Perhotelan itu, tidak ada jalan yang mudah untuk berjaya mendapatkan apa yang disasarkan.

Kejayaan yang diperolehi adalah hasil sokongan dari segi moral dan kewangan khususnya daripada pihak fakulti, JHEP dan UMS.

BERI PENERANGAN: Ahmad Shakani dan mahasiswa memberi penerangan kepada panel dan pengunjung.



RAI: Kedua-dua mahasiswa UMS meraikan kejayaan mereka.

